

04/04/2002

Syarikat rakaman tidak harus tamak: Muhyiddin

Rosniza Mohd Taha

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak akan mengenakan kawalan harga terhadap kaset dan cakera padat (CD).

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata sebaliknya syarikat rakaman harus menetapkan harga mengikut sentimen pasaran, bukannya menggunakan alasan kos pengeluaran tinggi untuk tidak menurunkan harga.

"Mereka perlu menawarkan harga menarik mengikut keadaan pasaran. Ketika ini, lebih baik mereka menurunkan harga kaset dan CD dan mencatat jumlah jualan tinggi untuk mendapat keuntungan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementeriannya, di sini, hari ini.

Beliau mengulas masalah cetak rompak yang menghantui industri muzik tempatan yang turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila penyanyi popular, Siti Nurhaliza Taruddin merayu Dr Mahathir untuk campur tangan dalam menangani masalah berkenaan.

Muhyiddin berkata, syarikat rakaman telah mengemukakan pecahan kos bagi pengeluaran setiap CD dan VCD, merangkumi royalti artis, cukai, perbelanjaan promosi dan pengiklanan.

Bagaimanapun, katanya, selepas meneliti maklumat itu, kementerian masih tidak berpuas hati dan menganggap ia tidak cukup untuk membuktikan dakwaan itu.

"Syarikat rakaman tidak harus tamak. Orang ramai merungut harga kaset dan CD tinggi dan mempertikaikan mengapa ada pihak boleh mengeluarkan barangan itu pada harga jauh lebih rendah berbanding harga pasaran.

"Sekiranya mereka terus berdegil untuk tidak menurunkan harga dalam keadaan pasaran kritikal ini, mereka akan menanggung kerugian besar nanti dan terus menguntungkan pengeluar kaset dan CD cetak rompak," katanya.

Sementara itu beliau berkata, kerajaan akan membekukan permohonan lesen membuka pasar raya gergasi oleh pelabur asing di negara ini bagi mengelak ia menjejaskan peniaga kecil tempatan, khususnya Bumiputera.

Katanya, pasar berkenaan dikhuatiri akan menjejaskan usaha kerajaan menggalakkan pertumbuhan peniaga kecil tempatan.

"Kajian kementerian mendapati kesan pasar raya gergasi kepada peniaga kecil adalah besar. Kita bimbang jika kesan negatif ini tidak dikawal ia akan membawa satu masalah besar kepada peniaga kita," katanya.

(END)